



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



SIDANG AKADEMIK 2020/2021
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PPK 222- KEMAHIRAN VOKASIONAL PENDIDIKAN KHAS

TUGASAN : KERJA KURSUS INDIVIDU

DISEDIAKAN OLEH:



NUR ATHIRAH BINTI CHE ZAMBELI
(148249)

NAMA PENSYARAH:
OSMAN BIN HASHIM

1. (i) Terangkan mengenai kemahiran keusahawanan dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dan bagaimana kemahiran keusahawanan itu boleh diterapkan dalam Pendidikan Vokasional untuk MBK di sekolah.

Kemahiran keusahawanan merupakan minat dan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap risiko (risk awareness), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga. Kemahiran keusahawanan dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) adalah merupakan antara kemahiran penting dalam kemahiran-kemahiran insaniah (soft skills) yang harus dimiliki oleh MBK sama ada dari peringkat pengajian rendah atau peringkat pengajian tinggi. Bidang keusahawanan dianggap berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara. Ia merupakan landasan kepada pembangunan insan. Komponen utama membudayakan keusahawanan dalam kalangan MBK ialah melalui pengenalan program keusahawanan bermula di bangku sekolah rendah lagi. Pendedahan terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan MBK ini adalah menepati hasrat dan objektif pihak kerajaan untuk mewujudkan masyarakat usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Pendidikan keusahawanan dalam kalangan MBK merujuk kepada satu proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang segala kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui pengajaran dan pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Ia satu usaha untuk membina potensi keusahawanan dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) melalui pelaksanaan kurikulum keusahawanan dan aktiviti - aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tujuan memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan MBK adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif, berinisiatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Kemahiran keusahawanan bagi MBK juga mengajar seseorang itu supaya bersedia mencari peluang dan mempunyai kecenderungan untuk mengurus niaga. Clouse et.al (2003) mencadangkan kurikulum pendidikan keusahawanan perlu memberi penekanan kepada kreativiti, pembelajaran berasaskan masalah dan kemahiran menyelesaikan masalah serta memfokuskan kepada kesedaran peluang-peluang. Kepentingan pendidikan keusahawanan semakin dirasai keperluannya apabila wujudnya masalah pengangguran yang semakin meruncing di kalangan belia Malaysia.

Kemahiran keusahawanan dalam kalangan MBK memberi penekanan kepada pengurusan kewangan oleh murid bekeperluan khas dalam kehidupan seharian. Perkara ini ditekankan melalui elemen keusahawanan yang terkandung dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Penerapan elemen keusahawanan bertujuan untuk memupuk MBK mengamalkan sikap keusahawanan, mengamalkan cara berfikir keusahawanan, mengamalkan cara-cara pengurusan asas jual beli

yang mudah, menghasilkan produk berasaskan pengetahuan dan teknologi serta mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan. Kemahiran keusahawanan dalam kalangan MBK mengajar murid mengurus kewangan dengan baik. Mereka dapat mengenal pasti sumber pendapatan yang boleh dijana serta merancang dan mengurus projek yang mendatangkan pendapatan kepada mereka. Kemahiran keusahawanan yang diajar di sekolah kepada murid-murid berkeperluan khas ini membolehkan mereka menentukan cara berbelanja, membuat dan mengawal perbelanjaan diri serta menentukan cara menabung.

Kemahiran keusahawanan itu boleh diterapkan dalam Pendidikan Vokasional untuk MBK di sekolah dengan cara mengaplikasikan elemen keusahawanan yang terdapat dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Elemen yang pertama iaitu mengamalkan sikap keusahawanan. Murid yang sentiasa menerima penerapan sikap-sikap keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan terdorong untuk mengamalkan sikap-sikap tersebut dalam kehidupan seharian sehingga menjadi budaya. Budaya yang terbentuk ini akan dapat membantu murid mempunyai tingkah laku yang dapat menentukan kejayaan dalam sebarang usaha ke arah keusahawanan di masa akan datang. Sikap keusahawanan yang boleh diterapkan untuk murid MBK bagi pendidikan vokasional adalah bertanggungjawab kepada keputusan, peka kepada peluang, berani mengambil risiko, kreatif dan inovatif serta berdaya tahan. Pendidikan vokasional yang melatih mereka kemahiran-kemahiran seperti menjahit, memasak dan banyak lagi akan menggalkan minda mereka untuk berniaga dan menjadi usahawan. Hal ini dapat memupuk sikap usahawan dalam diri mereka dengan berani mengambil risiko menjalankan perniagaan hasil dari kemahiran yang mereka dapat dalam pendidikan vokasional.

Selain itu, kemahiran keusahawanan dapat diterapkan dalam Pendidikan Vokasional bagi MBK adalah melalui elemen keusahawanan yang keempat iaitu menghasilkan produk berasaskan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional. Seorang murid yang telah mempelajari sesuatu teknik dalam pembelajarannya boleh mereka cipta dan menghasilkan produk yang berdaya saing berasaskan pengetahuan teknologi dan vokasional mengikut kreativitinya. Asas pengetahuan dan kemahiran teknologi dan vokasional boleh digunakan dalam menghasilkan produk berasaskan pengetahuan serta teknologi dan vokasional, menghasilkan produk yang sama dengan menggunakan teknologi yang berlainan dan menghasilkan produk menggunakan sumber yang pelbagai/ sumber alternatif/ sumber kitar semula.

Pedagogi penerapan elemen ini melibatkan murid mempraktikkan langkah-langkah dalam reka bentuk (design) yang menggabungkan pengetahuan dan kemahiran teknologi dan vokasional yang diajar oleh guru untuk menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan.

Seterusnya, kemahiran keusahawanan dapat diterapkan dalam pendidikan vokasional dengan mengamalkan cara-cara pengurusan asas jual beli yang mudah. Pendidikan vokasional dapat menerapkan kemahiran keusahawanan dengan mengaplikasikan urusan jual beli dalam kalangan MBK. Guru boleh mengajar mereka cara berjual hasil dari kemahiran yang mereka belajar seperti menjahit, menanam pokok, memasak dan banyak lagi. Apabila mereka mempraktikkan amalan jual beli, ini akan menggalakkan kemahiran usahawan dalam kalangan MBK. Pendidikan vokasional mampu melahirkan murid yang minda usahawan dengan melakukan jual beli produk yang dihasilkan.

(ii) Bincangkan mengenai kolaborasi antara agensi dan kepentingannya terhadap kejayaan MBK dalam berkerjaya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kolaboratif membawa maksud erat dari segi kerjasama antara dua pihak ataupun lebih. Definisi ini merujuk kepada kerjasama ke arah melaksanakan aktiviti kebaikan. Kolaborasi menurut pandangan umum ialah perkembangan dan pengekalan sesuatu yang positif, perhubungan egalitarian iaitu membawa maksud bahawa semua orang dilayan sama rata dan dengan itu mestilah mendapat hak dan peluang yang sama, dan saling bekerjasama dalam membantu, menyelesaikan masalah dan perkongsian dalam membuat keputusan melalui perundingan. MBK memerlukan bantuan daripada pelbagai pihak untuk memberi khidmat sokongan kepada mereka. Pihak-pihak yang terlibat terdiri daripada ibu bapa, guru, pihak kerajaan, pihak bukan kerajaan, masyarakat, NGO dan lain-lain. Mereka ini terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu dan memberi sumbangan kepada kejayaan MBK dalam berkerjaya.

Kolaborasi semua antara agensi melibatkan semua pihak iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, NASOM dan banyak lagi. Ibu bapa digalakkan untuk melibatkan diri dengan mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dengan masalah anak contohnya, Persatuan Syndrome Down, NASOM dan lain-lain lagi. Dengan ini ibu bapa dapat berbincang dengan ibu bapa lain yang mempunyai masalah yang sama ditanggung sama ada masalah dari segi kesihatan, cara pengurusan anak-anak, perkembangan dan pendidikan anak-anak. Ia mampu memberi idea baru dalam mendidik anak-anak berkeperluan khas ini. Kerjasama ini dapat membantu murid berkeperluan khas dalam mencapai kerjaya mereka. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan dan mewujudkan program dan institusi kemahiran. Antaranya merumuskan Kurikulum Pendidikan Khas yang komprehensif, mengadakan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), mewujudkan program Buying Seat, merangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), serta Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA). Program-program ini adalah antara alternatif kepada aliran akademik yang biasanya sukar dikuasai oleh kebanyakan MBK yang lazimnya

lebih cenderung ke arah bidang kemahiran. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mengadakan Elaun Pekerja Cacat (EPC), Elaun insentif kepada OKU yang bekerja dan berpendapatan kurang daripada RM750 sebulan bagi individu untuk menggalakkan mereka berminat bekerja. Skim ini bertujuan menggalakkan OKU berdikari dan penyenggaraan pendapatan dapat memenuhi keperluan asas kehidupan OKU dan tanpa bergantung kepada ahli keluarga atau orang lain. OKU yang bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif dan untuk meningkatkan taraf hidup OKU di dalam masyarakat.

Bagi menampung permintaan SMKPV yang terlalu tinggi, KPM telah mewujudkan program “Buying Seats” iaitu program yang menempatkan MBK di enam buah institut latihan kemahiran swasta yang terpilih. Institut-institut yang terlibat ialah Imperial Academy, International College of Yayasan Melaka, Suria College Of Hospitality Malaysia, Azmida Training Centre, Akademi YNS Sdn. Bhd. dan Kemahiran YPJ Sdn. Bhd. Program yang bermula pada tahun 2013 ini dibiayai oleh kerajaan dan menawarkan latihan kepada MBK berumur 16 hingga 18 tahun. Mereka yang terpilih akan mengikuti sesi pengajian selama dua tahun. Mereka akan mengikuti kurikulum serta modul pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang terdiri daripada Kurikulum Kebangsaan, Modul Kemahiran, dan On Job Training (OJT). MBK yang berjaya menamatkan pengajian akan mendapat sijil kelayakan yang diiktiraf dalam bidang kemahiran yang berkaitan. Kolaborasi antara Kementerian Pendidikan Malaysia bersama institut-institut swasta ini membuka peluang kepada MBK untuk belajar kemahiran. Keadaan ini dapat memberi kelebihan apabila mereka sudah habis elajar dan mencari pekerjaan. Mereka sudah dilatih dengan kemahiran-kemahiran vokasional dan dapat membuka peluang pekerjaan kepada mereka.

Program Perkhidmatan Job Coach (PPJC) juga sangat penting kepada MBK. Ini kerana ia menggalakkan wujudnya pekerjaan yang berkekal kepada OKU di pasaran kerja terbuka. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Job Coach berperanan menjadi penghubung antara (Orang Kurang Upaya) OKU dan majikan dengan menyediakan sokongan untuk kedua-dua belah pihak. Kolaborasi antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan syarikat swasta atau agensi luar ini dapat membuka peluang kepada MBK untuk mendapat sokongan pekerjaan di dunia luar. Program Job Coach ini akan menilai persekitaran tempat kerja yang dapat memberi keselesaan kepada OKU untuk melakukan kerja. Job Coach akan meminta kebenaran kepada majikan untuk mengubahsuai persekitaran tempat kerja yang mesra OKU. Hal ini dapat memberi kemudahan kepada OKU untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Keadaan ini membolehkan OKU bekerja dengan lebih produktif dan menjamin kelangsungan mereka dalam sesebuah syarikat. Program Job Coach ini jugak akan sentiasa melakukan *follow up* atau sokongan berkala untuk mengekalkan OKU dalam pekerjaan

2. Bina 1 (SATU) Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk mengajar kemahiran vokasional kepada MBK.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Mata pelajaran : Kemahiran Vokasional Asas Masakan

Kelas : 1 Aman

Tarikh : 29 April 2021

Hari : Rabu

Masa : 9.30 pagi – 10.00 pagi

Bilangan Murid : 5 orang

Tajuk : Menyediakan minuman

Standard Kandungan : 5.3 Menyediakan minuman

Standard Pembelajaran : 1.2.1 Menyedia, menghias dan menghidang minuman mengikut kategori.

Objektif pembelajaran Murid dapat :

- i - Menyenaraikan bahan-bahan dan alatan untuk menyediakan minuman bercoklat (milo ais)
- ii - Menyediakan minuman bercoklat (milo ais)
- iii - Mengemas bahan-bahan dan alatan yang digunakan

Pengetahuan sedia ada : Murid telah mengetahui kategori-kategori minuman.

Elemen Merentas Kurikulum (EMK):

Penerapan nilai	Kebersihan, keyakinan, berani
Kemahiran berfikir	Berfikir, mengenalpasti, memahami dan membuat kesimpulan.
Bahasa	Bahasa melayu.
Komunikasi	Bahasa lisan dan bukan lisan.
Keusahawanan	Kreatif dan inovatif

Bahan Bantu Mengajar (BBM): Carta langkah penyediaan minuman bercoklat (milo ais), serbuk milo, sus pekat manis, susu berkrım, ais, cawan, sudu teh.

	Isi Pembelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Murid	Catatan
Set Induksi (5 minit)	<p>Pengenalan kepada topik pembelajaran. (Tayangan video)</p> <p>Contoh soalan</p> <p>1. Siapa pernah lihat iklan milo ?</p> <p>2. Mengapa suka minum milo ?</p>	<p>1. Guru memberi salam kepada pelajar</p> <p>2. Guru menayangkan iklan minuman milo melalui tayangan video</p> <p>3. Guru bersoal jawab dengan murid tentang tayangan video tersebut.</p> <p>4. Guru mengaitkan tayangan video dengan pengajaran hari ini.</p>	<p>1. Murid menjawab salam.</p> <p>2. Murid melihat tayangan video yang ditunjukkan oleh guru.</p> <p>3. Murid menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru.</p> <p>4. Murid mendengar penerangan guru.</p>	<p>BBM: Laptop, LCD</p> <p>EMK: Kemahiran berfikir, menjana idea.</p> <p>Bahasa: Bahasa Melayu</p> <p>Nilai: Berani</p>
Langkah 1 (8 minit)	<p>Isi pelajaran (alatan dan bahan untuk menyediakan minuman bercoklat)</p>	<p>1. Guru menunjukkan bahan-bahan dan alatan untuk menyediakan milo ais</p> <p>2. Guru meminta murid menyebut semula alatan dan bahan untuk menyediakan milo ais.</p> <p>3. Guru menunjukkan langkah-langkah penyediaan milo ais menggunakan carta langkah penyediaan di atas kertas mahjung.</p> <p>4. Guru meminta murid menyebut langkah-langkah penyediaan milo ais.</p>	<p>1. Murid melihat bahan-bahan dan alatan untuk menyediakan milo ais.</p> <p>2. Murid menyebut semula bahan-bahan dan alatan untuk menyediakan milo ais.</p> <p>3. Murid melihat carta langkah penyediaan milo ais yang ditunjukkan oleh guru.</p> <p>4. Murid menyebut semula langkah-langkah dalam</p>	<p>BBM: Carta langkah penyediaan minuman bercoklat (milo ais), serbuk milo, susu pekat manis, susu berkrım, ais, cawan, sudu teh.</p> <p>EMK: Memahami, berfikir.</p> <p>Bahasa: Bahasa</p>

			menyediakan minuman bercoklat milo ais.	Melayu Nilai: patuh pada arahan, ketekunan.
Langkah 2 (10 minit)	Aktiviti murid (menyediakan air milo ais)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menyediakan air milo ais di hadapan kelas 2. Guru meminta murid menyediakan air milo ais bersama-sama guru. 3. Guru meminta murid mengemas bahan-bahan dan alatan selepas menyediakan minuman milo ais. 4. Guru menerangkan kepentingan mengemas selepas menyediakan air. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid melihat guru menyediakan air milo ais di hadapan kelas. 2. Murid menyediakan air milo ais bersama-sama guru. 3. Murid mengemas semula bahan-bahan dan alatan selepas menyediakan minuman milo ais. 4. murid mendengar penerangan guru. 	BBM: serbuk milo, susu pekat manis, susu berkrim, ais, cawan, sudu teh. EMK: Kemahiran berfikir Bahasa: Bahasa Melayu Nilai: Kerajinan, kebersihan
Penutup (5 mint)	Rumusan isi pelajaran.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru bertanyakan murid mengenai perasaan mereka sewaktu melakukan aktiviti yang disediakan. 2. Guru meminta murid bercerita perasaan murid melakukan aktiviti. 3. Guru memberi penghargaan kepada murid atas usaha dan hasil kerja murid. <ol style="list-style-type: none"> a) Tepukan dan pujian kepada diri sendiri. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid menyatakan perasaan masing-masing sewaktu melakukan aktiviti yang disediakan. 2. Murid bercerita mengenai perasaan mereka menyediakan air milo ais. 3. Murid diberi penghargaan di atas usaha dan hasil kerja masing-masing. 	BBM: - EMK: Komunikasi Bahasa: Bahasa Melayu Nilai: menghargai